

TEKS UCAPAN
NAIB CANSELOR UniMAP
Y.BHG. BRIG. JEN. DATO` PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN,
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP EKSPO REKACIPTA &
PAMERAN PENYELIDIKAN UniMAP
PADA 6 JANUARI 2013
DI KOMPLEKS DEWAN KULIAH, PAUH PUTRA

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Yang Berbahagia, Profesor Dr Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Penolong-penolong Naib Canselor,

Yang Berusaha, Prof Dr Syed Alwee Aljunid Syed Junid, Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi,

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP,

Para Penyelidik, seterusnya peserta Ekspo Rekacipta & Pameran Penyelidikan UniMAP

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Dan Salam Sedekad Gemilang, UniMAP Di Hati.

Alhamdulillah bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T di atas nikmat kesihatan dan peluang yang diberikan untuk kita bersama-sama pada petang ini dalam majlis yang begitu sinonim dengan para penyelidik UniMAP iaitu Eksspo Rekacipta & Pameran Penyelidikan.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi yang diterajui oleh Prof Dr Syed Alwee Aljunid Syed Junid di atas komitmen yang diberikan dalam memastikan majlis pada hari ini dapat direalisasikan dengan jayanya. Tahniah juga buat semua sekretariat yang terlibat.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Eksspo Rekacipta & Pameran Penyelidikan ini merupakan program tahunan yang akan dianjurkan dalam usaha kita mengenalpasti produk-produk penyelidikan yang berkualiti dan mampu bersaing diperingkat kebangsaan seterusnya ke persada antarabangsa. Justeru itu besarlah harapan saya agar pada tahun ini lebih banyak lagi produk yang berkualiti serta berimpak tinggi dapat dikenalpasti.

Kita baru sahaja seminggu menginjak ke tahun 2013, dan saya percaya pelbagai azam dan tekad telah disemat dalam diri setiap penyelidik agar menjadi lebih baik dari sebelum ini. Untuk menjadi lebih baik bukanlah satu perkara yang mudah. Ia memerlukan lebih banyak usaha dan pengorbanan. Saya menyeru kepada semua penyelidik UniMAP supaya memperbanyakkan penulisan akademik yang lebih berimpak agar kita menjadi rujukan diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Saya harap tahun 2013 ini akan menjadi lebih baik buat universiti kita terutamanya dalam bidang penyelidikan.

Apa yang saya mahukan setiap pensyarah bidang kejuruteraan harus menghasilkan sekurang-kurangnya **dua "High Impact Journal"** atau **empat "High Impact Prosiding"** untuk setiap tahun mulai tahun ini dan pensyarah bidang perniagaan pula perlu menghasilkan sekurangnya sebuah buku setahun dalam usaha meningkatkan bilangan penulisan universiti di dalam **Scopus** **mahupun ISI Thompson – Reuters.**

Saya percaya sekiranya semua pensyarah memberikan komitmen yang jitu UniMAP akan berjaya melonjak ke peringkat yang lebih tinggi serta menghasilkan lebih banyak penulisan yang berimpak. Dengan pelbagai usaha dan pencapaian terbaik ini, saya yakin UniMAP secara tidak langsung akan membantu memastikan wawasan nasional Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi akan tercapai.

Hadirin sekalian,

Saya dimaklumkan bahawa sebanyak 361 produk dipertandingkan mengikut lima kategori utama yang telah ditetapkan iaitu kategori Bioteknologi, Bioperubatan dan Alam Sekitar, Kategori Bahan, Mikroelektronik dan Teknologi Nano, Kategori Pendidikan dan Sains Sosial, Kategori Perisian, Komputer dan ICT, dan Kategori Elektrik, Elektronik dan Robotik. Syabas atas penyertaan ini dan matlamat saya adalah semoga tahun ini, UniMAP akan lebih gemilang dalam bidang penyelidikan dan inovasi tidak kira diperingkat kebangsaan maupun antarabangsa.

Walaupun 2012 merupakan tahun gemilang buat UniMAP dalam bidang penyelidikan tetapi saya berharap tahun ini lebih banyak kejayaan dan pengiktirafan yang akan diperoleh kerana para pensyarah yang menyertai UniMAP kebanyakannya dari mereka yang terbaik. Kepada peserta yang berjaya meraih pingat emas syabas saya ucapkan. Dan kepada mereka yang tidak berjaya jangan berputus asa sebaliknya terus berusaha untuk menghasilkan produk yang terbaik dan memberikan manfaat kepada masyarakat juga.

Akhir kata semoga segala usaha yang kita laksanakan ini akan memberikan titik permulaan yang baik dalam mencorak kegemilangan universiti kita.

**Dari Kecil, Di Asuh Ke Sekolah,
Menuntut Ilmu, Bekalan Hadapan,
Jangan Pernah, Mengaku Kalah,
Demi Mencorak, Kejayaan Hadapan,**

Dengan Lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini
**Merasmikan Penutup Eksspo Rekacipta & Pameran Penyelidikan
UniMAP 2013.**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.